
5.1 Sistem Fizikal Bumi

1 Rajah 1 menunjukkan lapisan atmosfera bumi. BT m.s. 44 ARAS: R



Rajah 1

Apakah lapisan X?
A Troposfera
B Termosfera
C Mesosfera
D Stratosfera

2 Apakah sistem fizikal bumi yang berkaitan dengan maklumat berikut? BT m.s. 44 OMG m.s. 35 DSKP A S1, TP1 ARAS: S

- Lapisan yang menyelubungi bumi
- Mengandungi pelbagai jenis gas dan wap air

A Biosfera
B Litosfera
C Hidrosfera
D Atmosfera

3 Foto 1 menunjukkan haiwan yang hidup di dalam hutan Malaysia. BT m.s. 45 OMG m.s. 35 DSKP A S2, TP1 ARAS: S




Foto 1

Apakah sistem fizikal bumi yang didiami oleh haiwan tersebut?
A Biosfera
B Litosfera
C Hidrosfera
D Atmosfera


4 Maklumat berikut merujuk kepada komponen sistem fizikal bumi. BT m.s. 45 OMG m.s. 35 DSKP A S4, TP2 ARAS: S

- Lapisan luar bumi yang merangkumi bahagian kerak bumi dan bahagian atas mantel.
- Mengandungi pelbagai jenis batuan dan mineral.

Apakah sistem fizikal tersebut?
A Atmosfera
B Litosfera
C Biosfera
D Hidrosfera

5.2 Struktur bumi

5 Rajah 2 menunjukkan lapisan struktur bumi. BT m.s. 45 OMG m.s. 35 DSKP B S2, TP2 ARAS: R



Rajah 2

Apakah lapisan Q?
A Mantel
B Teras dalam
C Kerak bumi
D Teras luar

6 Pernyataan yang manakah benar mengenai struktur bumi? BT m.s. 45 OMG m.s. 35 DSKP C, TP2 ARAS: S
A Lapisan mantel bersifat pepejal
B Mempunyai lima benua dan tujuh lautan
C Terdiri daripada kerak bumi, mantel dan teras bumi
D Terdapat lapisan teras bumi yang terletak di bawah kerak bumi

7 Antara berikut, pasangan yang manakah benar berkaitan struktur bumi? BT m.s. 45 OMG m.s. 35 DSKP C S1&3, TP2 ARAS: S

	Struktur bumi	Pernyataan
I	Teras luar	Melindungi bumi daripada sinaran ultra ungu (UV)
II	Kerak bumi	Lapisan bumi yang paling luar, keras dan pejal
III	Mantel	Bersifat separa cecair
IV	Teras bumi	Terdiri daripada dua lapisan, iaitu sial dan sima

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

myteach
Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS